



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 9/2020

RUJUKAN : 31 MAC 2020



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 telah mengisyiharkan COVID-19 sebagai Pandemik atau wabak dan senario di Malaysia ketika itu telah pun memasuki gelombang kedua. Statistik peningkatan harian kes positif pada awal Mac masih terkawal sehingga buat pertama kalinya kes positif harian **mencecah kepada 190 kes pada 15 Mac 2020**. Bermula dari itu, peningkatan demi peningkatan dilaporkan dengan pertambahan jangkitan positif melebihi 100 kes sehari. Sepanjang tempoh Mac ini, **pertambahan harian tertinggi** direkodkan pada **26 Mac 2020** dengan **235 kes** manakala 3 hari sebelumnya sebanyak 212 kes positif telah dicatatkan. Profil jangkitan kes positif di Malaysia mengikut kumpulan umur menunjukkan **kes tertinggi adalah dari kumpulan umur 56-60 (182 kes) dan 180 kes bagi kumpulan umur 26-30**. Selain itu, terdapat 36 kes melibatkan kanak-kanak yang berumur 5 tahun dan kebawah manakala bagi kumpulan umur 71 dan ke atas sehingga kini mencatatkan sebanyak 81 kes positif.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan sehingga pada 31 Mac 2020 **seramai 40,483 individu telah menjalani ujian saringan** dengan 29,498 memperoleh keputusan negatif, 8,219 sedang menunggu keputusan manakala **2,766 disahkan positif**. Jangkitan kes baharu meningkat kepada **140 kes positif** dan jumlah **kematian direkodkan sebanyak 43 kes**, meningkat 6 kes berbanding sebelumnya. Sementara itu, terdapat 58 kes yang telah pulih menjadikan jumlah kumulatif bilangan discaj kepada **537 kes** (19.4 peratus dari keseluruhan kes). Pertambahan kes positif antaranya adalah menerusi peningkatan di WP Kuala Lumpur sebanyak 34 kes, Selangor (32 kes), Sarawak (21 kes) dan Johor (16 kes) sementara Terengganu, Kedah dan WP Labuan tidak merekodkan pertambahan seperti pada Jadual 1. Statistik di peringkat negeri menunjukkan **Selangor masih mendominasi jumlah kes tertinggi iaitu 704 kes** diikuti WP Kuala Lumpur (430 kes), Johor (349 kes), Sabah (206 kes), Perak (189 kes) dan Negeri Sembilan (181 kes) menjadikan sumbangan kepada keseluruhan kes positif sebanyak 74.4 peratus.

Di peringkat global, **Amerika Syarikat** mencatatkan jumlah **kes positif COVID-19 tertinggi** iaitu sebanyak **163,429 kes** dan **menyumbang 22.6 peratus** kepada keseluruhan kes **di seluruh dunia**. Jumlah kes positif **di Itali** pula telah **mencecah angka 101,739** berbanding sebelumnya (97,689 kes) manakala **Sepanyol** telah **mengatasi China** dengan jumlah kes sebanyak **87,956**. **Itali** mendominasi bilangan **kematian tertinggi iaitu 11,591 kes** dengan peratus kematian dalam negara sebanyak **11.4 peratus** (peratus kematian global 4.71 peratus).

Secara kumulatif, kes jangkitan **COVID-19** telah **meningkat** kepada **780,508 kes** dan sebanyak **36,800 kes kematian** dilaporkan seperti pada Jadual 2. Umumnya, terdapat 203 buah negara yang telah terlibat dengan penularan wabak ini dan peratusan kes sembuh adalah sebanyak 20.1 peratus atau 156,562 kes.

Melihat kepada perspektif dalam mengimbangi keadaan ekonomi semasa kesan dari penularan wabak ini, pihak kerajaan komited untuk memastikan persekitaran perniagaan dan tenaga kerja kembali stabil. Dalam tempoh yang sukar ini memaksa kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac – 31 Mac 2020 dan telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020. Tindakan ini memberi kesan langsung kepada aktiviti perniagaan di Malaysia terutamanya yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Profil PKS dalam negara jika diukur dari sudut bilangan pertubuhan, **PKS menyumbang lebih 95 peratus** dari jumlah pertubuhan/syarikat di Malaysia. Pada tahun 2018, **sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah sebanyak 38.3 peratus**, meningkat dari 29.4 peratus seperti yang dicatatkan pada tahun 2005. Selaras dengan kepentingannya kepada ekonomi negara, kerajaan dan Bank Negara Malaysia telah **menyediakan dana tambahan berjumlah RM4.5 bilion** termasuk kepada usahawan mikro dalam **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)**. Antara inisiatif utama yang diumumkan meliputi **tambahan dana dalam tabung Bantuan Kemudahan Khas atau Special Relief Facility** untuk PKS sebanyak RM3 bilion dengan jumlah keseluruhan RM5 bilion, meningkatkan akses pembiayaan PKS menerusi **peningkatan saiz dana sebanyak RM1 bilion kepada RM6.8 bilion** dan **menyediakan dana tambahan sebanyak RM500 juta** di bawah Skim Kredit Mikro menjadikan jumlah keseluruhan RM700 juta bagi pembiayaan mudah. Pada masa yang sama sebagai komitmen kerajaan untuk menyokong industri ini, kerajaan juga membenarkan **penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua PKS untuk tempoh tiga bulan mulai 1 April 2020** melibatkan kira-kira 750 ribu PKS.

Scenario persekitaran ekonomi beberapa negara terpilih kebanyakannya turut menunjukkan aliran menurun berdasarkan kepada beberapa petunjuk utama. Beberapa petikan perkongsian *headlines* pasaran ekonomi daripada *Public Invest Daily* dan beberapa sumber lain memberikan butiran berikut;

AS: Federal Reserve of St Louis mengunjurkan **kadar pengangguran di AS akan meningkat kepada 32%** akibat penularan COVID-19. Dianggarkan juga, wabak tersebut akan menyebabkan kehilangan 47 juta pekerjaan di AS. (CNBC)

EU: **Sentimen ekonomi** bagi 19 buah negara Eropah **merekodkan penurunan yang mendadak**. Pada Mac 2020, indeks sentimen ekonomi Eropah turun kepada 94.5 berbanding 103.4 yang direkodkan pada bulan sebelumnya. **Penurunan 8.9 mata ini merupakan yang terbesar direkodkan semenjak 1985.** (Reuters)

EU: Ekonomi Jerman pada tahun 2020 dijangka berisiko **untuk menyusut sehingga -5.4%** akibat penularan wabak COVID-19. (Reuters)

CHINA: Bank pusat China (PBoC) menurunkan lagi kadar faedah ke atas pinjaman bank dengan margin terbesar dalam tempoh 5 tahun. PBoC telah memperkenalkan operasi pembelian semula rizab bernilai 50 bilion yuan hari ini dan merendahkan kadar pembelian semula rizab tujuh hari kepada 2.2% berbanding 2.4%. Ia adalah pengurangan terbesar sejak 2015 dan kadar rizab tujuh hari terendah dalam sejarah. (Bloomberg)

INDONESIA: Persatuan Pengeluar Kelapa Sawit Indonesia (GAPKI) menyatakan **volum eksport produk kelapa sawit ke China turun 381,000 tan (atau 57% peratus penurunan)**. Penurunan ini menyumbang kepada kejatuhan keseluruhan eksport kelapa sawit Indonesia ke antarabangsa kepada 2.39 juta tan pada Januari 2020 berbanding 3.72 juta tan pada bulan sebelumnya. (ANN)

MALAYSIA: Hong Leong Investment Bank Research (HLInvest) menyemak semula **unjuran KDNK Malaysia bagi tahun 2020 kepada -2.0% berbanding 2.3% unjuran awalan**. HLInvest turut menjangkakan langkah monetari BNM untuk menurunkan 50 mata asas lagi kepada 2.0% tahun ini. (HLInvest)

HK: Harga Kediaman Swasta Hong Kong bagi Februari 2020 pada asas perbandingan **bulan ke bulan turun 2.1%**. Kejatuhan ini adalah yang terbesar direkodkan semenjak November 2018. (Reuters)

CHINA: Indeks Perolehan Pengurusan (PMI) sektor pembuatan China **meningkat kepada 52 (Mac) berbanding 35.7** yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. **Peningkatan ini adalah kesan postif daripada usaha mengawal penularan COVID-19 di China.** Survei yang dilaksanakan oleh badan rasmi statistik China (NBS), sebanyak 96.6% pertubuhan besar dan IKS telah beroperasi dan menyambung kembali aktiviti pengeluaran. (Xinhua)

Sebahagian besar pasaran saham di rantau Asia ditutup lebih tinggi hari ini apabila FBM KLCI naik 1.66%, Hang Seng (Hong Kong) 1.85% lebih tinggi, SCI (China) naik 0.11%, STI (Singapura) naik 2.69%, IDX (Indonesia) menokok 2.82%, BSE Sensex (India) naik 3.62% dan KOSPI (Korea Selatan) bertumbuh 2.19%. Walau bagaimanapun, Nikkei 225 (Jepun) ditutup lebih rendah apabila turun -0.88%.

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Bank Dunia** menyatakan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia 2020 **menguncup kepada 0.1 peratus**, berbanding sasaran **pertumbuhan 4.5 peratus**, kesan penularan COVID-19.
2. **MIDF Amanah Investment Bank** menyatakan unjuran pertumbuhan ekonomi **dijangka 2.7 peratus berbanding unjuran sebelum ini 3.5 peratus**, kesan daripada ekonomi global yang mencabar akibat daripada penularan wabak COVID-19.
3. **Penganalisis mengunjurkan ekonomi Malaysia** akan mencatatkan pertumbuhan serendah **-3.5% hingga 3.5% pada tahun 2020**.
4. **Pusat membeli-belah di Malaysia** boleh mengalami **kerugian sebanyak RM2 bilion** akibat gangguan perniagaan yang disebabkan oleh tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) yang telah dipanjangkan untuk menangani pandemik Covid-19.
5. **Ramai peruncit berskala kecil** dijangka akan ditutup dalam tempoh satu hingga dua bulan akan datang **kesan daripada PKP**.
6. **Peningkatan penggunaan minyak sawit mentah (MSM)** di dalam negara tidak akan dapat mengimbangi **penurunan eksport** menjelang akhir Mac yang dijangka **menguncup antara 8-15 peratus**.
7. Penutupan **estet minyak kelapa sawit dan operasi kilang di enam daerah di Sabah** dijangka mengakibatkan kerugian sebanyak **18% hingga 20%** dalam pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia (CPO) bulanan dan kerugian **2% daripada jumlah pengeluaran** pada tahun 2020.
8. Semua pemandu Grab telah ditukarkan kepada **GrabFood, GrabMart, dan operasi GrabExpress** kerana penurunan pelanggan e-hailing dan peningkatan pesanan penghantaran.
9. **BNM** telah memberikan institusi perbankan menggunakan **dana lebihan (capital and liquidity buffers)** bagi menyokong aktiviti pembiayaan.
10. **BSN** telah menerima dana daripada Kerajaan untuk **pembayaran pinjaman/ pembiayaan kepada usahawan PKS** yang terjejas akibat Covid-19.

11. Pengeluaran minyak oleh **Shell dijangka menurun 4.5%** berbanding suku keempat 2019 sementara volum untuk **gas asli cecair (LNG)** turut dijangkakan **menyusut sebanyak 2.3%**
12. **Negara China bersama Negara Kumpulan Ekonomi 20 (G20)** akan bekerjasama untuk memastikan **kestabilan rantaian perindustrian dan bekalan global** dengan semua pihak secara aktif mengambil langkah-langkah seperti mengurangkan atau menghapuskan tarif, menghapuskan halangan perdagangan dan memudahkan perdagangan.
13. Berdasarkan *China's Purchasing Managers' Index (PMI)*, aktiviti kilang di China **pulih pada Mac dengan merekodkan 52.0** daripada rekod terendah pada **Februari 35.7** iaitu lebih tinggi daripada jangkaan analisis Bloomberg 44.8.
14. **Pengagihan pendapatan ASB 2 dan ASM** membabitkan jumlah pembayaran pendapatan mencecah **hampir RM1.4 bilion** serta **ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1** membabitkan jumlah pembayaran berjumlah **RM228.7 juta**.
15. Lebih 2,300 pekebun sayur di Cameron Highlands menghasilkan lebih 800 tan metrik pengeluaran sayur-sayuran sehari. Namun hanya **30 peratus mampu dijual di pasaran akibat PKP kesan Covid-19**.
16. Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) **menggesa kerajaan membenarkan industri perkhidmatan penting yang diluluskan beroperasi dengan kapasiti 30 peratus tenaga kerja ditingkatkan kepada 50 peratus** bagi memenuhi permintaan pasaran.
17. Berdasarkan harga tinjauan, **satu kilogram ayam dijual di antara RM5 hingga RM8, harga telur gred A adalah RM11.40 seapan**, bawang besar RM11 dan sayur bayam antara RM3 hingga RM5 sekilo.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge	<p>Palm oil ops closure in Sabah to likely result in 18-20% drop in M'sia monthly CPO production — UOBKayHian</p> <p>The oil palm sector is expected to experience 18% to 20% loss in Malaysia's monthly crude palm oil (CPO) production, and a 2% loss of total CPO production for 2020 due to the closure of palm oil estates and milling operations in six districts in Sabah.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-ops-closure-sabah-likely-result-1820-drop-msia-monthly-cpo-production-%E2%80%94-uobkayhian
2.	Harian Metro	<p>Terengganu anjur bazar Ramadan 'online'</p> <p>Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4 juta untuk membantu golongan peniaga. Sehubungan dengan itu, bazar Ramadan di Terengganu akan melalui dalam talian bagi membantu peniaga menjual pelbagai juadah berbuka puasa.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/560602/terengganu-anjur-bazar-ramadan-online
3.	Astro Awani	<p>Premis perniagaan, restoran beroperasi 12 jam bermula 1 April - DBKL</p> <p>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan selaras dengan Perintah kawalan Pergerakan Fasa 2, semua premis perniagaan hanya dibenarkan beroperasi dari pukul 8.00 pagi sehingga 8.00 malam berkuat kuasa 1 April sehingga 14 April meliputi</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/premis-perniagaan-restoran-beroperasi-12-jam-bermula-1-april-dbkl-236075

		<p>pasar raya, kedai runcit, kedai serbaneka serta restoran.</p> <p>Bagi pasar berbangunan pula waktu dibenarkan beroperasi pada pukul 6 pagi hingga 1 tengah hari sahaja kecuali pasar borong Kuala Lumpur.</p>	
4.	Astro Awani	<p>COVID-19: Padang Besar becomes quiet</p> <p>Padang Besar, located close to the Malaysia-Thailand border, is one of the busiest cities with many visitors. However, during this Movement Control Order (MCO) many of the shops were closed and the streets were empty, just only one or two vehicles were allowed maybe to deliver essential items such as food.</p>	http://english.astroawani.com/malaysia-news/covid-19-padang-besar-becomes-quiet-236081? _ga=2.265289101.303363485.1585639062-1556972328.1584771477
5.	Berita Harian	<p>BSN urus RM700 juta bantu usahawan mikro</p> <p>KUALA LUMPUR: Bank Simpanan Nasional (BSN) menerima peruntukan sebanyak RM700 juta daripada kerajaan untuk mengendalikan pinjaman atau kewangan kepada usahawan mikro yang terjejas akibat wabak COVID-19 melalui BSN Micro/i Kredit Prihatin.</p> <p>Pembentangan ini menawarkan kadar sebanyak dua peratus tanpa cagaran kepada semua usahawan mikro dalam pelbagai segmen dengan syarat kelayakan pinjaman minimum enam bulan operasi</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/03/671302/bsn-urus-rm700-juta-bantu-usahawan-mikro

		berbanding syarat kelayakan sebelumnya iaitu setahun.	
6.	Berita Harian	<p>Agihan pendapatan ASB2 sebanyak 4.75 sen, ASM 4.25 sen</p> <p>Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan 4.75 sen seunit bagi Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan 4.25 sen seunit bagi Amanah Saham Malaysia (ASM) untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020.</p> <p>Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB) itu juga mengumumkan pengagihan pendapatan 3.25 sen seunit bagi ASN Equity 3; 3.50 sen seunit bagi ASN Imbang 2 dan 4.55 sen seunit bagi ASN Sara 1.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/671100/agihan-pendapatan-asb2-sebanyak-475-sen-asm-425-sen
8.	The Edge	<p>Malaysia Airlines to reinstate some international flights to China, Indonesia, Australia, New Zealand</p> <p>Malaysia Airlines will be reinstating some international flights to China, Indonesia, Australia and New Zealand between April and May 2020, to bring home families who have not been able to return to their loved ones due to travel restrictions in many parts of the world amid the Covid-19 pandemic.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-airlines-reinstate-some-international-flights-china-indonesia-australia-new

Penemuan penting & isu:

1. Penutupan estet minyak kelapa sawit dan operasi kilang di enam daerah di Sabah dijangka mengakibatkan kerugian sebanyak 18% hingga 20% dalam pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia (CPO) bulanan dan kerugian 2% daripada jumlah pengeluaran pada tahun 2020.
2. Pengagihan pendapatan ASB 2 dan ASM membabitkan jumlah pembayaran pendapatan mencecah hampir RM1.4 bilion serta ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 membabitkan jumlah pembayaran berjumlah RM228.7 juta.
3. Malaysia Airlines akan beroperasi pada kadar minimum di antara April dan Mei 2020 untuk memudahkan perjalanan dan pergerakan kargo yang penting.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengurangan pengeluaran minyak sawit mentah kelapa sawit akan memberi impak kepada sektor pertanian dan pembuatan.
2. Cadangan Penganjuran bazar Ramadan 'online' akan meningkatkan lagi aktiviti atas talian yang secara langsung akan meningkatkan sumbangan e-dagang kepada ekonomi Malaysia.
3. Peruntukan sebanyak RM700 juta daripada kerajaan kepada usaha mikro secara tidak langsung memberi kesan kepada statistik Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS.
4. Pakar ekonomi, penganalisis dan Bank Dunia menyatakan unjuran KDNK Malaysia 2020 diramal tumbuh perlahan atau pertumbuhan negatif. Julat unjuran menggambarkan uncertainty yang dihadapi ekonomi ketika ini.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	The Star	Malls face RM2bil losses Malaysian shopping malls could face losses worth of RM2bil as a result of business disruptions caused by the movement control order (MCO), which has been extended to deal with the Covid-19 pandemic.	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/malls-face-rm2bil-losses
2.	The Star	Many small retailers expected to close shop soon Many small scale and independent retailers are expected to close down in the next	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/many-small-retailers-

		one to two months as a result of the MCO, said Retail Group Malaysia.	<u>expected-to-close-shop-soon</u>
3.	The Star	<p>SMEs, especially retailers, facing bankruptcy, ask for more help</p> <p>Local retail business owner Christina Ng said many retailers were facing the possibility of bankruptcy due to the forced shutdown of their outlets, coupled with the need to continue paying steep rentals at shopping malls as well as workers' wages.</p> <p>Ng, who runs seven retail outlets and employs about 100 workers, said her operational costs amounted to about RM500,000 each month.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/smes-facing-bankruptcy-ask-for-more-help
4.	Bernama	<p>Penggunaan domestik minyak sawit tidak bolehimbangi penurunan eksport – Penganalisis</p> <p>Peningkatan penggunaan minyak sawit mentah dalam negara tidak akan dapat mengimbangi penurunan eksport dan menjelang akhir Mac, eksport dijangka menguncup antara 8-15 peratus, kata penganalisis minyak sawit.</p> <p>Permintaan dijangka meningkat lebih tinggi kepada 400,000 tan metrik pada Mac berikutan belian panik dalam kalangan rakyat yang ingin mendapatkan barang penting seperti minyak makan dan produk yang mengandungi oleokimia daripada minyak sawit seperti produk kebersihan dan penjagaan rumah.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1827023

5.	The Malaysian Reserve	<p>MCO: New business hours 8 am- 8 pm, starting April 1 – Ismail Sabri</p> <p>All business premises selling essential items including supermarkets and petrol stations are to operate from 8 am to 8 pm under the second phase of the MCO starting 1st April 2020.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/03/30/mco-new-business-hours-8-am-8-pm-starting-april-1-ismail-sabri/
6.	The Malaysian Reserve	<p>Analysts see more pressure on crude oil price</p> <p>The war for market share between Saudi Arabia and Russia has seen the Brent crude oil contract price fall from about US\$65 (RM281.62) a barrel in early January to US\$26 a barrel at press time, the lowest in more than 17 years.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/03/31/analysts-see-more-pressure-on-crude-oil-price/
7.	Malay Mail	<p>Minister: FAMA to set up fresh goods markets across Malaysia to prevent crowding during MCO</p> <p>FAMA will set up markets for fresh and wet goods nationwide to overcome the problem of congestion and crowds at wet markets during the ongoing extended MCO against the Covid-19 pandemic.</p> <p>These controlled fresh goods markets will only sell products including fish, meat, fruit and vegetables, unlike ordinary wet markets which also offer items like clothing and dry goods. The markets will be established in 77 locations throughout every state.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/31/minister-fama-to-set-up-fresh-goods-markets-across-malaysia-to-prevent-crowd/1852044

B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
8.	Malay mail	<p>With e-hailing slowing down, Grab driver switches to GrabFood to put meals on his family's table</p> <p>Demand on e-hailing has definitely slowing down during MCO.</p> <p>Grab Malaysia country head Sean Goh said that “tens of thousands” of Grab drivers have been deployed to their GrabFood, GrabMart, and GrabExpress operations due to the decline in e-hailing customers and an accompanying spike in delivery orders.</p>	https://www.malaymail.com/news/life/2020/03/31/with-e-hailing-slowing-down-grab-driver-switches-to-grabfood-to-put-meals-on-family-s-table/1851990
C. Subsektor Kewangan			
9.	The Star	<p>Banks' asset quality remains sound, Bank Negara says</p> <p>Banks' asset quality remained sound in February with overall net impaired loans ratio remaining stable at 1%.</p> <p>Banks continued to maintain sufficient buffers against potential credit losses with total provisions (including regulatory reserve) at 125.1% of total impaired loans.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/banks-asset-quality-remains-sound-bank-negara-says
D. Subsektor Perdagangan & Perusahaan			
10.	The Star	<p>Up to 49% profit cut seen for banks</p> <p>A worst case scenario for banks in Malaysia amid the current Covid-19 situation could see up to a 49% slash in profit estimates.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/up-to-49-profit-cut-seen-for-banks

		<p>This possible worst-case scenario assumes four overnight policy rate (OPR) cuts, flat loan growth and a spike in credit costs.</p>	
11.	The Edge	<p>BSN gets RM700m to assist Covid-19-hit micro-entrepreneurs</p> <p>Bank Simpanan Nasional (BSN) has received an allocation of RM700 million from the government for disbursement of loans/ financing to Covid-19-hit micro-entrepreneurs through the BSN Micro/i Kredit Prihatin.</p> <p>The financing is offered at 2% interest rate without collateral to all micro-entrepreneurs in various segments on condition that they have been in business for at least six months, instead of one year previously.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/bsn-gets-rm700m-assist-covid19hit-microentrepreneurs

Penemuan penting & isu:

1. Pusat membeli-belah di Malaysia boleh mengalami kerugian sebanyak RM2 bilion akibat gangguan perniagaan yang disebabkan oleh tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), yang telah dipanjangkan untuk menangani pandemik Covid-19.
2. Ramai peruncit berskala kecil dijangka akan ditutup dalam tempoh satu hingga dua bulan akan datang kesan daripada PKP.
3. Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan, terutamanya peruncit akan berdepan dengan situasi muflis sekiranya bantuan yang diberikan tidak mencukupi untuk membantu mereka bertahan dalam tempoh PKP.
4. Peningkatan penggunaan minyak sawit mentah (MSM) di dalam negara tidak akan dapat mengimbangi penurunan eksport menjelang akhir Mac, yang dijangka menguncup antara 8-15 peratus.
5. Kerajaan telah menghadkan waktu operasi perniagaan yang melibatkan perkhidmatan essential bermula jam 8 pagi hingga 8 malam berkuatkuasa pada 1 April 2020.
6. Harga minyak mentah semakin membimbangkan bermula pada Januari 2020 hingga kini.

7. FAMA mengambil inisiatif membuka pasar tani di 77 lokasi bagi membantu golongan petani dan peniaga sepanjang tempoh pelanjutan PKP.
8. Semua pemandu Grab telah ditukarkan kepada GrabFood, GrabMart, dan operasi GrabExpress kerana penurunan pelanggan e-hailing dan peningkatan pesanan penghantaran.
9. BNM telah menyediakan garis panduan bagi institusi perbankan melaksanakan Moratorium bayaran balik pinjaman dan juga pembiayaan.
10. BNM telah membenarkan institusi perbankan menggunakan dana lebihan (capital and liquidity buffers) bagi menyokong aktiviti pembiayaan.
11. BSN telah menerima dana daripada Kerajaan untuk pembayaran pinjaman/pembiayaan kepada usahawan PKS yang terjejas akibat Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Subsektor runcit dijangka akan mengalami kemerosotan jualan impak dari pelaksanaan PKP terutamanya kepada peniaga dari golongan PKS.
2. Berlaku lonjakan permintaan bagi produk minyak sawit berikutan pembelian panik oleh pengguna sewaktu awal pelaksanaan PKP.
3. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit akan terkesan dengan perintah baru bagi waktu beroperasi yang dibenarkan semasa fasa kedua PKP ketika mendepani wabak Covid-19.
4. Pelbagai inisiatif dari pelbagai pihak seperti FAMA dilakukan bagi membantu golongan terjejas akibat PKP untuk meningkatkan hasil jualan peniaga-peniaga kecil.
5. Penurunan mendadak bagi pelanggan e-hailing secara tidak langsung memberi kesan penurunan hasil kepada GrabCar.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>China races to increase output of ventilators</p> <p>China is racing to produce several thousands of multifunction ventilators, as demand for the lifesaving machines skyrockets across the world due to the Covid-19 pandemic.</p> <p>The move is also part of China's broader efforts to encourage</p>	https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/03/31/china-races-to-increase-output-of-ventilators

		<p>work resumption and stabilise economic activity.</p> <p>China has 21 multifunction ventilator makers and eight of them have obtained the European Union's compulsory CE marking. The companies have already signed contracts for 20,000 multifunction ventilators, and many more are pouring in every day.</p> <p>China also will help stabilise global supply chains by boosting support to automobile and electronics sectors and will also ramp up resources to provide foreign countries with more active pharmaceutical ingredients.</p>	
2.	The Star	<p>China wants G20 to ensure stability in global supply chains</p> <p>The Group of 20 (G20) economies should work together to ensure stability in global industrial and supply chains. All parties should actively take measures such as reducing or removing tariffs, eliminating trade barriers and facilitating unfettered trade.</p> <p>The G20 economies should step up international cooperation on disease prevention and control supplies and protect the life and safety of people and medical workers in all countries.</p>	https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/03/31/china-wants-g20-to-ensure-stability-in-global-supply-chains

		<p>All parties should uphold an open environment for global collaboration by keeping their markets open and safeguard the multilateral trading system and oppose protectionism.</p> <p>It was agreed that the parties should enhance coordination and cooperation and adopt open trade policies to reduce the impact on global supply chains, facilitate cross-border flow of goods and services and revive the confidence in growth of international trade.</p>	
3.	NST	<p>Oil prices rebound, but languish near 18-year lows</p> <p>Oil prices clawed back some ground in Asian trade Tuesday after falling to 18-year lows, as the coronavirus pandemic brings economies worldwide to a standstill and throttles demand.</p> <p>US benchmark West Texas Intermediate rose 2.9 percent to just over US\$20 a barrel while Brent crude, the international benchmark, was up 0.5 percent at nearly US\$23 a barrel.</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/03/579790/oil-prices-rebound-languish-near-18-year-lows
4.	The Star	<p>China's factory activity rebounds as work slowly resumes</p> <p>Factory activity in China rebounded in March from a record low. Businesses have gradually resumed work after being brought to a standstill this year to contain the spread of the deadly pathogen.</p>	https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/03/31/china039s-factory-activity-rebounds-as-work-slowly-resumes

	<p>China's Purchasing Managers' Index (PMI), a key gauge of manufacturing activity, surprised at 52.0 in March, according to National Bureau of Statistics (NBS) figures. This was higher than the 44.8 analysts expected in a Bloomberg survey.</p> <p>The NBS said the number "reflects that over half of surveyed companies had improvements in their resumption of work and production from the month before, but it does not represent that our country's economic operations have returned to normal levels".</p> <p>The figure is a marked rebound from 35.7 in February, the worst since China began recording the data in 2005. A reading above 50 suggests growth in the sector.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Negara China berlumba-lumba menghasilkan beribu-ribu ventilator pelbagai fungsi, memandangkan permintaan meningkat di seluruh dunia disebabkan oleh pandemik Covid-19. China mempunyai 21 pembuat ventilator multifungsi dan lapan daripadanya telah memperoleh tanda CE yang diwajibkan oleh Kesatuan Eropah. Syarikat-syarikat telah menandatangani kontrak untuk 20,000 ventilator pelbagai fungsi dan masih menerima tempahan setiap hari. Langkah itu juga merupakan sebahagian daripada usaha China yang lebih luas untuk menggalakkan semula pekerjaan dan menstabilkan aktiviti ekonomi.
2. China juga akan membantu menstabilkan rantai global dengan meningkatkan sokongan kepada sektor automotif dan elektronik dan juga akan meningkatkan sumber untuk menyediakan negara-negara asing dengan bahan-bahan farmaseutikal yang lebih aktif.

3. Harga minyak melonjak beberapa tempat dalam perdagangan Asia pada hari Selasa selepas jatuh ke paras terendah dalam 18 tahun, memandangkan pandemik coronavirus membawa ekonomi di seluruh dunia ke paras terendah. Penanda aras AS West Texas Intermediate naik 2.9 peratus kepada lebih dari AS \$20 setong manakala minyak mentah Brent, penanda aras antarabangsa, naik 0.5 peratus pada hampir US \$23 setong.
4. Menurut Biro Statistik Negara (NBS), berdasarkan PMI, pengukur utama aktiviti perkilangan, aktiviti kilang di China pulih pada Mac dengan merekodkan 52.0 daripada rekod terendah pada Februari 35.7. Lebih tinggi daripada jangkaan analisis Bloomberg iaitu 44.8. NBS berkata angka itu mencerminkan pertumbuhan dalam sektor pembuatan di China apabila lebih separuh daripada syarikat-syarikat yang dikaji menyambung semula kerja dan pengeluaran mereka.

Maklumbalas Bahagian:

1. China merupakan pengeksport mesin ventilator ketiga terbesar dunia selepas Singapura dan Amerika Syarikat. Nilai import Malaysia bagi mesin ventilator (HS Code: 901920) pada tahun 2019 mencecah RM95.4 juta. Manakala nilai eksport mencecah RM261.3 juta. Tiga Negara sumber import utama Malaysia bagi tahun 2019 ialah China (RM22.6 juta – 23.7%), Amerika Syarikat (RM18.3 juta – 19.2%) dan Singapura (RM15.8 juta – 16.5%). Manakala tiga destinasi eksport utama adalah Singapura (RM94.6 juta – 36.2%), Amerika Syarikat (RM58.3 juta – 22.3%) dan Jerman (RM30.6 juta – 11.7%). Nilai import dan eksport bagi mesin ventilator dijangka meningkat pada tahun 2020 disebabkan peningkatan keperluan susulan penularan kes Covid-19.
2. Pada tahun 2019, nilai eksport petroleum mentah dan produk petroleum bertapis mencecah RM90.9 bilion dengan sumbangan kepada keseluruhan eksport sebanyak 9.2%. Tiga Negara destinasi utama adalah Singapura (RM21.1 bilion – 23.2%), Australia (RM11.8 bilion – 13.0%) dan India (RM8.0 bilion – 8.8%). Jumlah dagangan bagi petroleum mentah dan produk petroleum bertapis dijangka merosot pada tahun 2020 berikutan harga rendah dan permintaan dunia yang lemah akibat penularan covid19.
3. Negara China merupakan rakan dagang terbesar Negara dengan jumlah dagangan pada tahun 2019 mencecah RM315.2 bilion atau 17.2% daripada jumlah dagangan Negara. Pemulihan industri perkilangan di China dijangka memberi kesan positif kepada dagangan Negara.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge	<p>Softer oil prices weigh on local sentiment</p> <p>Oil prices fell sharply yesterday, with the US crude briefly dipping below US\$20 (RM87) and Brent hitting its lowest level in 18 years, on heightened fears that the global Covid-19 shutdown could last for months and the demand for fuel is likely to be softer than expected.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/softer-oil-prices-weigh-local-sentiment
2.	The Edge	<p>Shell to write down up to US\$800m after oil price crash</p> <p>Royal Dutch Shell expects to write down up to US\$800 million in the first quarter of 2020 following a slump in oil prices that has also slowed the energy giant's operations.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/shell-write-down-us800m-after-oil-price-crash
3.	The Star	<p>Pharmacies say govt should subsidise losses in lowering face mask price</p> <p>The government should subsidise the losses suffered by pharmacies from the sudden lowering of price for three-ply face masks from RM2 to RM1.50, or else it should defer the decision for a month, says the Malaysian Pharmaceutical Society (MPS).</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/31/pharmacies-say-govt-should-subsidise-losses-in-lowering-face-mask-price

4.	The Star	<p>Analysts ‘positive’ on govt’s pledge on projects</p> <p>The government’s pledge to expedite major infrastructure projects, including the East Coast Railway Link Project (ECRL) and the Mass Rapid Transit Line 2 (MRT2), has provided a much-needed certainty on project continuity following a power transition in early March.</p> <p>But while this is reassuring, some feel that there were no added catalysts for listed construction players under the RM250bil economic stimulus package to soften the impact of Covid-19, which was announced on Friday.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/analysts-positive-on-govts-pledge-on-projects
5.	FMT	<p>Pengeluar topeng akan henti pembuatan kerana RM1.50 terlalu rendah</p> <p>Seorang pengeluar tempatan kecewa dengan penetapan harga siling topeng RM1.50 kerana ia hanya memanfaatkan pengimport, bukannya pengeluar domestik.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/03/31/pengeluar-topeng-akan-henti-pembuatan-kerana-rm1-50-terlalu-rendah/
6.	BH Online	<p>Malaysia sukar elak kemelesetan ekonomi – Penganalisis</p> <p>Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion tentunya akan memberi sokongan dan mengelak penurunan mendadak ekonomi negara, namun kemelesetan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/671243/covid-19-malaysia-sukar-elak-kemelesetan-ekonomi-penganalisis

		teknikal khususnya pada separuh pertama tahun ini sukar dielakkan. Ia berikutan penurunan mendadak permintaan dan gangguan rantai bekalan yang berlaku pada peringkat global termasuk Malaysia berikutan langkah sekatan perjalanan dan kawalan pergerakan dilaksanakan kerajaan seluruh dunia bagi menekan penularan pantas COVID-19.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Malaysian Pharmaceutical Society (MPS) menyatakan bahawa Kerajaan harus memberi subsidi kepada kerugian yang dialami oleh farmasi ekoran kepada RM1.50 berbanding RM2.00
2. Pengeluaran minyak oleh Shell dijangka menurun 4.5% berbanding suku keempat 2019 sementara volum untuk gas asli cecair (LNG) turut dijangkakan menyusut sebanyak 2.3%
3. Sektor pembinaan menghadapi kesukaran dalam mengharungi Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) akibat Covic 19 walaupun terdapat kemudahan dalam pakej ransangan ekonomi yang diumumkan pada 27 Mac 2020 lalu.
4. Pengeluar topeng tempatan akan henti pembuatan kerana RM1.50 terlalu rendah akibat kenaikan bahan mentah dari luar negara.
5. Penganalisis mengunjurkan ekonomi Malaysia akan mencatatkan pertumbuhan serendah -3.5% hingga 3.5% pada tahun 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan bagi sektor utama dan pertubuhan-pertubuhan berprofil tinggi dalam survei pembuatan bulanan rujukan Februari-Mac 2020 dan survei pembinaan suku tahun pertama 2020.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	Covid-19 impacting sharing economy The Covid-19 not only affected the hotel companies but also members of the sharing economy as the virus is raising doubts about the sustainability of sharing	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/30/covid-19-impacting-sharing-economy

		spaces among strangers. It is said that the rental for non-hotel shared accommodation in the city had been dropped drastically. AirBnB is reported giving guests the option to cancel reservations with a full refund.	
2.	Malaysiakini	<p>Lynas to follow MCO's extension and shut down until mid-April</p> <p>Rare earths producer, Lynas Corp will follow the government's order to extend the movement control order (MCO) until 14th April 2020 to curtail the spread of the coronavirus. The processing plant in Malaysia has been in maintenance mode since 23rd March 2020. Lynas produces products used in making permanent magnets that are used in medical devices like ventilators. It also makes lanthanum products used in oil refineries for petroleum production. It was assessing the impact of the shutdown on the supply of these products.</p>	https://www.malaysiakini.com/news/517812
3.	The Star	<p>Higher issuance of govt bonds seen this year</p> <p>With the country's fiscal deficit being further hammered from the coronavirus (Covid-19) pandemic and falling global crude oil prices, higher issuance of between RM130 billion and RM150 billion of government bonds is anticipated for the year. The issuance of government bonds (Malaysian Government Securities (MGS) and Government Investment Issues</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/31/higher-issuance-of-govt-bonds-seen-this-year

		(GII) is expected to be higher than that of RM118.6 billion registered last year as the government seeks more funds to finance the higher projected deficit.	
4.	The Sun Daily	<p>RAM Ratings: Debt, sukuk markets can serve as avenue to raise funds for aid packages</p> <p>In the wake of global equity market meltdown driven by the uncertainties from the Covid-19 pandemic, the debt and sukuk markets will serve as a bulwark to shore up a country's financial standing, according to RAM Ratings. It opined that the coronavirus crisis will provide a window of opportunity for sovereigns to raise funds to finance aid packages, and for corporates to lock in more attractive funding rates while taking stock of their financing maturity profiles.</p>	https://www.thesundaily.my/business/ram-ratings-debt-sukuk-markets-can-serve-as-avenue-to-raise-funds-for-aid-packages-AX2198288
5.	The Sundaily	<p>Bursa Malaysia rebounds at opening</p> <p>Bursa Malaysia staged a strong rebound to open 7.72 points stronger at 1,336.60 today, tracking the overnight gains on the Wall Street. At 9.30 a.m, there were 431 gainers, 74 losers and 165 counters traded unchanged on the Bursa Malaysia. The FBM KLCI opened higher as the Dow booked hefty gains on Monday, supported by healthcare companies Johnson & Johnson and UnitedHealth.</p>	https://www.thesundaily.my/business/bursa-malaysia-rebounds-at-opening-FN2197744

Penemuan penting & isu:

1. Wabak Covid-19 memberi kesan kepada *sharing economy* terutamanya para pengusaha Airbnb menyebabkan kejatuhan sewa unit penginapan yang mendadak.
2. Penutupan operasi Lynas sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberi impak kepada keluaran produk dan hasil syarikat FDI ini.
3. Penerbitan bon kerajaan dan instrumen hutang dan sukuk untuk melindung kedudukan kewangan negara dalam menghadapi sebarang ketidakstabilan akibat daripada COVID-19. Berikutnya, Bursa Malaysia telah melambung naik ke 1,336.60 pada pembukaan hari ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kejatuhan permintaan dalam perkhidmatan penginapan menggambarkan pelancongan yang semakin berkurangan. Situasi ini akan dilihat dalam penyusunan statistik Akaun Perkhidmatan dalam Akaun Semasa.
2. Penutupan sementara Lynas akan memberi kesan kepada Akaun Barang dan Akaun Kewangan dari segi pelaburan syarikat FDI tersebut.
3. Pengeluaran bon untuk menampung defisit akan dilihat dalam penyusunan statistik komponen Pelaburan Portfolio Akaun Kewangan.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani	<p>Bursa Malaysia meningkat semula 10.14 mata</p> <p>Indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) naik 10.14 mata, atau 0.76 peratus kepada 1,339.02 daripada 1,328.88 menjelaki peningkatan semalam di Wall Street.</p>	https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/bursa-malaysia-meningkat-semula-1014-mata-pada-sesi-pagi-236051
2.	Berita Harian	<p>Aliran keluar dana jeaskan ringgit</p> <p>Pasaran kewangan domestik bulan Februari mengalami aliran keluar bukan pemastautin dalam keadaan aktiviti penghindaran risiko lebih giat berikutan COVID-19 yang semakin memburuk, menurut Bank Negara Malaysia (BNM).</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/671359/aliran-keluar-dana-jeaskan-ringgit

		<p>Kesannya, ringgit menyusut nilai sebanyak 3.3 peratus, sejajar dengan penyusutan semua mata wang serantau antara 3.4 peratus hingga 0.3 peratus.</p>	
